

NO SOALAN :18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.04.2018

Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak KWSP bercadang untuk membuat kajian semula kepada polisi pengeluaran dari caruman akaun 2 KWSP dengan menaikkan pengeluaran maksimum kepada RM15,000 daripada RM3,000 sekali seumur hidup terus ke Akaun Tabung Haji pencarum untuk menunaikan ibadat haji buat kali pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran haji telah

diperkenalkan selaras dengan hasrat kerajaan melalui Pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012. Pengeluaran ini bertujuan menanggung perbelanjaan asas mengerjakan Haji dan bukan keseluruhan kos perbelanjaan Haji. Rasionalnya adalah untuk memastikan pengeluaran yang dibuat tidak menjelaskan simpanan persaraan ahli. Sehubungan itu, KWSP tidak bercadang untuk membuat kajian semula polisi pengeluaran Haji untuk menaikkan pengeluaran maksimum daripada RM3,000 kepada RM15,000.

22

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 3.4.2018 (SELASA)

SOALAN : 19

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dasar perumahan negara dan program untuk membantu rakyat miskin terutama di kawasan luar bandar, kampung dan rumah-rumah panjang di Sarawak. Berapakah peruntukan tahunan bagi program perumahan untuk luar bandar terutama rumah panjang di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab memelihara kebijakan rakyat supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang sejahtera.

Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) merupakan usaha Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendiami rumah yang lebih selamat dan selesa berbanding tempat kediaman sedia ada yang disasarkan kepada golongan miskin dan miskin tegar.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada keperluan bantuan rumah rakyat sarawak khususnya di luar bandar. Setiap tahun lebih kurang 25% daripada peruntukan tahunan PPRT diperuntukkan kepada negeri Sarawak. Dari tahun 2016 hingga 2018, sejumlah RM240.2 juta telah diperuntukkan untuk program bina baru dan membaik pulih rumah di negeri Sarawak yang turut melibatkan rumah panjang.

Pada tahun 2017, Kerajaan telah meluluskan tambahan peruntukan khas untuk pembaikan rumah panjang berjumlah RM16.1 juta melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) melibatkan baik pulih 1,193 unit rumah panjang. Sehingga kini sebanyak 630 unit telah siap dan sebanyak 563 unit akan disiapkan pada tahun 2018.